

Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol. 38 (2) (December 2011): 83 - 97  
@ School of History, Politics & Strategic Studies, UKM; ISSN 2180-0251 (electronic), 0126-5644 (paper)

**ERMY AZZIATY Rozali**

Universiti Kebangsaan Malaysia

**MOHAMMAD REDZUAN Othman**

Universiti Malaya

**ROZIAH Sidik @ Mat Sidek**

**EZAD AZRAAI Jamsari**

Universiti Kebangsaan Malaysia

**CABARAN MEMBINA KEMAJUAN BANGSA MELAYU DALAM  
MATAHARI MEMANCAR TARIKH KERAJAAN JEPUN  
CHALLENGES TO MALAY'S PROGRESS IN MATAHARI  
MEMANCAR TARIKH KERAJAAN JEPUN**

*Cabaran membina kemajuan bangsa Melayu telah dikupas oleh Abdullah Abdul Rahman sejak awal abad ke-20M. Beliau ialah seorang tokoh agama dari Muar, Johor dan pernah memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan Agama Islam Johor dari tahun 1932-1947. Artikel ini bertujuan untuk meneliti karya terjemahan Abdullah Abdul Rahman yang berjudul Matahari Memancar Tarikh Kerajaan Jepun dengan menumpukan perbahasan dari aspek sosial, terutamanya tentang cabaran membina kemajuan bangsa Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi instrumen analisis dokumen secara kajian tekstual dan kontekstual terhadap sumber primer kajian ini. Berikutan itu, kajian ini mendapati karya Abdullah Abdul Rahman ini mengutarakan pencapaian orang Jepun sebagai satu bangsa yang komited dalam membina negara mereka. Manakala masyarakat Melayu Islam masih lagi bergantung kepada kuasa Eropah, khususnya dari segi pentadbiran negara dan juga pertahanan. Di samping itu, kajian ini menonjolkan dua sifat penting yang menjadi budaya masyarakat Jepun ketika itu, iaitu bijaksana dan yakin dengan diri sendiri. Kepentingan kajian ini adalah relevan kerana sifat bangsa Jepun yang positif boleh diteladani dan diamalkan oleh masyarakat Melayu untuk menjana pembangunan dan kemajuan. Tambahan pula, sifat-sifat ini telah terbukti dengan pencapaian bangsa dan negara Jepun ketika itu. Kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan mengupas aspek lain yang terdapat dalam karya Abdullah Abdul Rahman ini bagi dimanfaatkan oleh masyarakat Melayu. Antaranya ialah seperti aspek politik, ekonomi dan pendidikan. Dengan demikian, usaha mencontohi dan meneladani pencapaian dan kemajuan bangsa Jepun telah bermula semenjak awal abad ke-20M. Bahkan, usaha dan idea ini telah direalisasikan dengan pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur oleh*

*kerajaan Malaysia pada 1982.*

**Katakunci:** *Abdullah Abdul Rahman, Matahari Memancar, Jepun, Masyarakat Melayu, Awal Abad ke-20M, Dasar Pandang Ke Timur*

*Abdullah Abdul Rahman, a religious scholar from Johore, had written about the progress of the Malays in the early 20<sup>th</sup> century. From 1932 to 1947 he held the post of Head of Johor Religious Department. This article analyzes a work of Abdullah Abdul Rahman, Matahari Memancar Tarikh Kerajaan Jepun, emphasizing the social aspect, mainly, of the challenges in bringing about progress to the Malays. This study adopts a qualitative approach through document analysis looking at textual materials as the prime sources for this study. This study suggests that Abdullah Abdul Rahman emphasizes the achievements of the Japanese as a committed people in building a nation, whereas the Malays are portrayed as dependent on the colonial master, especially in governance and defence of the state. Apart from that, this study underlines two important characteristics of the Japanese culture then; wisdom and self-confidence. Besides, the significance of this study is substantiated as the positive characteristics of the Japanese could be emulated by the Malays to generate development and progress. In addition, the characteristics have proven to have brought development to the Japanese. The effort to emulate and learn from the achievements and development of the Japanese was when the Malaysian government introduced the Look East Policy in 1982.*

**Keywords:** *Abdullah Abdul Rahman, Matahari Memancar, Japan, the Malays, the early 20<sup>th</sup> century, Look East Policy*

## **Pengenalan**

Artikel ini bertujuan untuk meneliti karya Abdullah Abdul Rahman yang berjudul *Matahari Memancar Tarikh Kerajaan Jepun* dengan menumpukan perbincangan dari aspek sosial, terutamanya tentang cabaran membina kemajuan bangsa Melayu. Pembinaan bangsa merupakan salah satu aspek penting untuk memajukan sesebuah negara. Proses pembinaan bangsa pada era prakemerdekaan adalah untuk menggalakkan usaha mengejar pembangunan dan kemajuan serta berusaha melepaskan diri daripada penjajahan Barat. Sesuatu yang menarik dalam perkembangan politik dan sosiobudaya masyarakat Melayu pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 ialah penerimaan pengaruh dari Timur Tengah.<sup>1</sup>

1 Kajian mengenai pengaruh Timur Tengah ke atas masyarakat Melayu telah banyak dib-

Antara aspek yang boleh dilihat ialah perkembangan dalam bidang keilmuan. Penerjemahan buku-buku berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu dilakukan untuk memperbanyakkan bahan bacaan bagi masyarakat Melayu. Dalam membina peradaban bangsa bahan bacaan atau kepustakaan adalah asasnya. Ahli-ahli sejarah Barat menyatakan bahawa zaman kegemilangan masyarakat Islam tidak akan muncul semula kerana kepustakaan mereka telahpun musnah dan mereka tidak membina semula asas tersebut. Tanpa kewujudan korpus keilmuan tersebut maka sukarlah untuk membina peradaban bangsa.<sup>2</sup>

Menjelang awal abad ke-20, maktab perguruan di Singapura, Melaka dan Perak telah berjaya menghasilkan beberapa kumpulan graduan yang antaranya memperlihatkan kebolehan sebagai penulis. Kumpulan ini terdiri daripada nama-nama seperti Sulaiman bin Muhammad Nur, Haji Muhammad Said bin Sulaiman, Raja Haji Yahya Raja Muhammad Ali, Abdullah bin Abdul Rahman dan lain-lain. Sebagai pendidik mereka merasa sedih dengan kekurangan bahan pengajaran di sekolah. Beberapa judul buku yang ditulis oleh penulis muda Melayu ini menjadi popular dalam kalangan pelajar sekolah dan pembaca umum. Antara contoh ialah *Matahari Memancar Tarikh Kerajaan Jepun* oleh Abdullah Abdul Rahman, *Hikayat Johor* dan *Hikayat Queen Victoria* oleh Haji Muhammad Said dan *Anak Kunci Pengetahuan* oleh Abdul Majid Zainuddin. Kebanyakan penulis-guru ini mahir dalam sekurang-kurangnya satu bahasa lain, khususnya Arab atau Inggeris yang membolehkan mereka membuat terjemahan.<sup>3</sup>

### **Latar Belakang Abdullah bin Abdul Rahman**

Abdullah bin Abdul Rahman merupakan seorang tokoh agama yang berasal dari Muar, Johor. Beliau pernah menjawat jawatan Ketua Jabatan Agama Islam Johor (1932-1947) dan dianugerahkan gelaran 'Dato'. Abdullah juga bergiat aktif dalam bidang penulisan.<sup>4</sup> Jabatan Agama Islam Johor dilihat proaktif dalam usaha penerjemahan untuk kepentingan masyarakat. Antaranya ialah penerjemahan Majalah Ahkam Johor pada tahun 1913 yang

---

incangkan oleh Mohammad Redzuan Othman. Lihat Mohammad Redzuan Othman, "The Middle Eastern Influence on the Development of Religious and Political Thought in Malay Society 1880-1940", Tesis PhD, University of Edinburgh, 1994 dan "Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah", Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2005 dan "Egypt's Religious and Intellectual Influence on Malay Society", *Katha*, vol. 1, 2005.

2 Abdullah Hassan, "Membina Kepustakaan Melayu Melalui Terjemahan", dalam Abdullah Hassan et.al, *Membina Kepustakaan Dalam Bahasa Melayu*, (Batu Caves : Utusan Publications, 2008), hlm. 24.

3 Md. Sidin Ahmad Ishak, "Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu 1807-1960", (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), hlm. 92-93.

4 Lihat Zainal Abidin bin Ahmad, "Modern Development in Malay Literature" dalam Richard O. Winstedt, "A History of Malay Literature", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, vol. 27, no. 3, 1939, hlm. 142.

melibatkan undang-undang sivil.<sup>5</sup> Usaha terjemahan dilakukan terhadap *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah* Turki Uthmaniyah ke dalam bahasa Melayu. Jabatan Agama Johor merupakan nadi utama dalam proses penterjemahan dan pelaksanaan *Majallah Ahkam Johor*.<sup>6</sup>

Pada tahun 1913, Abdullah Abdul Rahman menghasilkan buku *Pertutoran Melayu*, iaitu buku tatabahasa untuk bahasa Melayu yang berdasarkan bahasa Arab. Seterusnya pada tahun 1924, beliau menterjemahkan buku *al-Islam wa al-Hadarah* karya Muhammad Farid Wajdi, seorang sarjana dan ahli pemikir Mesir yang terkenal. Buku terjemahan tersebut berjudul *Islam dan Tamadun*.<sup>7</sup> Hubungan rapat Abdullah dengan pendukung *al-Imam* meletakkan beliau sebagai reformis dalam kalangan 'Kaum Muda'. Beliau yang mendapat pendidikan di Kaherah dan mengimport buku-buku teks untuk sekolah agama dari sana, menjadikan beliau seangkatan dengan Syeikh Tahir Jalaluddin dan Sayid Sheikh al-Hadi, mendapat pendedahan dengan suasana intelektual di Mesir.<sup>8</sup>

Abdullah Abdul Rahman seorang yang berpandangan jauh dalam aspek pembangunan dan juga menitikberatkan bidang pendidikan. Selaku Ketua Jabatan Agama Johor beliau pernah mencadangkan agar disatukan pelajaran bahasa Melayu dan agama. Cadangan tersebut bertujuan untuk menjimatkan masa anak-anak Melayu. Kitab-kitab agama dicadangkan agar digunakan sekaligus untuk pelajaran agama dan bahasa Melayu. Dalam mesyuarat kerajaan pada bulan Oktober 1933, beliau mengemukakan lima tujuan cadangan penyatuan tersebut:-

---

5 Abdul Jalil Borham, "Majalah Ahkam Johor Ditinjau Dari Aspek Latar Belakang dan Pengaruhnya Terhadap Pentadbiran Sistem Muamalat Islam Dari Negeri Johor", Tesis Doktor Falsafah, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1997, hlm. 39.

6 Dato' Syed Abdul Kadir Mohsin al-Attas, Mufti Johor dan juga Engku Sulaiman Engku Daud, Yang Dipertua Jabatan Agama Johor, merupakan individu banyak memainkan peranan dalam usaha ini. Lihat Abdul Jalil Borham, "Majalah Ahkam Johor Latar belakang, Pelaksanaan dan Komentari", (Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia), 2002, hlm. 94-95. Menurut Undang-undang Kerajaan Johor Fasal yang ke-49, terjemahan kitab tersebut dinamakan kitab "Majalah Ahkam Johor". Sultan Ibrahim Ibni Abu Bakar, memberi keizinan kepada Mufti, Dato' Syed Abdul Kadir Mohsin al-Attas melalui surat daripada Dato' Pemangku Setiausaha Kerajaan Johor bil. 998/13 bertarikh 29hb November 1913. Melalui perkenan sultan dan berdasarkan tarikh surat tersebut, menunjukkan bermulanya penggunaan *Majalah Ahkam Johor* sebagai kitab panduan berhubung dengan hukum syarak di negeri Johor. Lihat *Majalah Ahkam Johor*; Bahagian Pengenalan, Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor dan *Fail Majlis Agama Johor* (M.A.J), bil. 14/34, 1934, Arkib Negara Cawangan Selatan, Johor Bahru, Johor

7 Zainal Abidin bin Ahmad, "Modern Development in Malay Literature" dalam Richard O. Winstedt, "A History of Malay Literature", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, vol. 27, no. 3, 1939, hlm. 142.

8 Lihat Michael F. Laffan, "Watan and Negeri : Mustafa Kamil's Rising Sun in The Malay World", *Indonesia Circle*, vol. 69, 1996, hlm. 164. Peranan Abdullah sebagai Ketua Jabatan Agama Islam Johor dapat dilihat dalam tulisan Onn bin Jaafar, *Selamat Johor Tanda Kenangan Pengingat Kesyukuran Ulangtahun Keempat Puluh bagi Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Bersemayam di Singgahsana Tahkta Kerajaan Johor*, (Singapura, 1935), hlm. 64.

1. Supaya sekolah Melayu itu ada di dalamnya pelajaran agama atas kadar fardu ain yang wajib ke atas anak-anak orang Melayu itu tiap-tiap seorang dapat pelajaran agama.
2. Juga melepaskan daripada tuntutan-tuntutan bagi pihak daerah-daerah atau kampung-kampung yang mengatakan ada tempat dapat sekolah agama, ada yang tidak dapat pada hal semua rakyat Johor dan sama beragama Islam.
3. Tidak berkehendakkan tambahan guru-guru lagi bagi mengadakan sekolah baru barangkali boleh juga dikurangkan.
4. Ada juga masa bagi kanak-kanak di dalam kampung boleh dapat peluang kerja sendiri di dalam kampung-kampungnya di sebelah petang dan dapat pada waktu bagi anak-anak Melayu di dalam bandar yang ada sekolah Inggeris boleh masuk sekolah Inggeris di sebelah pagi dan mengambil pelajaran bahasa Melayu dan agama di sebelah petang.
5. Kalau begitu tidaklah dikehendakkan anak-anak Melayu yang diam di dalam bandar-bandar yang ada sekolah Inggeris itu masuk dalam sekolah Inggeris, kemudian dia telah lulus dalam *standard* empat sekolah Melayu dan kemudian daripada telah menggunakan umurnya empat atau lima di dalam sekolah Melayu (ertinya telah berumur dua belas atau tiga belas tahun baharu boleh masuk sekolah Inggeris) dan apabila tidak cukup kelulusannya dihentikan sebab terlebih umur. Tapi atas perubahan itu bolehlah dimasukkan anak-anak Melayu dibandar itu berumur tujuh tahun belajar dalam bahasa Inggeris permulaan sebab disebelah petangnya dia akan belajar bahasa Melayu dan agama. Inilah yang dikatakan tujuan untuk menyelamatkan masa anak-anak Melayu.<sup>9</sup>

Cadangan Abdullah Abdul Rahman ini dipersetujui oleh Ahli-ahli Majlis Agama dan dianggap satu peluang kepada anak-anak Melayu untuk mempelajari bahasa Inggeris di sebelah pagi dan belajar bahasa Melayu dan agama di sebelah petang. Dalam memorandum 1935, penyatuan itu dilaksanakan.<sup>10</sup> Oleh itu, dapat dilihat peranan Abdullah Abdul Rahman dalam usaha meningkatkan aspek pendidikan untuk pembinaan masyarakat Melayu.

### **Cabaran Membina Bangsa Dalam *Matahari Memancar Tarikh Kerajaan Jepun***

Tumpuan perbincangan artikel ini mengenai isu cabaran membina bangsa dalam buku *Matahari Memancar Tarikh Kerajaan Jepun*. Buku ini telah ditulis oleh Abdullah Abdul Rahman pada tahun 1906, yang memberikan

---

9 Rahimah Abdul Aziz, *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945) Satu Analisis Sosiologi Sejarah* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka), 2000, hlm. 135-136.

10 Ibid.

pengiktirafan kepada kerajaan Jepun. *Matahari Memancar Tarikh Kerajaan Jepun* merupakan terjemahan buku berbahasa Arab yang bertajuk *al-Shams al-Mushriqah*, tulisan Mustafa Kamil Pasha (1874-1908), seorang pemimpin nasionalis Mesir yang terkemuka. *Al-Shams al-Mushriqah* ditulis oleh Mustafa Kamil berikutan kekaguman beliau terhadap kejayaan Jepun dalam peperangan dengan Rusia.<sup>11</sup>

Mustafa Kamil Pasha (1874-1908), merupakan salah seorang tokoh yang terkenal di Mesir, dilahirkan di Kaherah pada 14 Ogos 1874 dan bapanya bertugas sebagai jurutera askar. Mustafa Kamil pernah menuntut di Universiti Taolouse, Perancis. Semasa dalam pengajian, beliau melibatkan diri dalam aktiviti politik. Sekembalinya dari Perancis, Mustafa Kamil menubuhkan Parti 'al-Watan' pada 1894, yang bermatlamat untuk mengusir pihak British dari Mesir. Mustafa Kamil pernah melawat Berlin, London, Vienna, Budapest dan Geneva.<sup>12</sup>

Mustafa Kamil juga kerap mengeluarkan artikel yang bersifat anti-British dalam akhbar *al-Ahram* dan *al-Muayyad* sejak tahun 1894 dan menjadi terkenal. Beliau kemudiannya menerbitkan akhbar *al-Liwa'* pada tahun 1900 yang turut mendapat sokongan Khedif Abbas Hilmi. Kekerapan Mustafa Kamil mengunjungi Istanbul menemui Sultan Abdul Hamid II (1876-1909), melayakkan beliau mendapat gelaran 'Mutamayyiz' pada tahun 1899 dan 'Pasha' pada tahun 1904. Sebagai pendukung kepada gagasan Pan-Islamisme, Mustafa Kamil menerusi akhbar *al-Liwa'* menyatakan sokongan terhadap gagasan Pan-Islamisme dan dawah Turki Uthmaniyah, terutamanya dalam konflik dengan Eropah. Pada 1907, beliau mengasaskan parti politik *al-Hizb al-Watani*. Walau bagaimanapun, kematian Mustafa Kamil pada 1909, dalam usia yang agak muda, iaitu 34 tahun menimbulkan kesangsian dan spekulasi. Khedif Abbas Hilmi mengambil pendekatan berhati-hati dan tidak mengaitkan beliau dengan kematian Mustafa Kamil. Majlis pengkebumian Mustafa Kamil dihadiri oleh 60,000 orang rakyat Mesir yang merasa sedih dengan kehilangan seorang pemimpin yang memperjuangkan semangat kebangsaan Mesir.<sup>13</sup>

Pada tahun 1907, penerbitan buku *Matahari Memancar* oleh Abdullah Abdul Rahman mendapat pembiayaan daripada penerbit *al-Imam*

---

11 Lihat Nadia Fahmi, "Mustafa Kamil : Nationalism and Pan-Islamism", Master Thesis, McGill University, 1976, hlm. 34. Perbincangan mengenai peranan Mustafa Kamil dalam memperjuangkan semangat kebangsaan di Mesir dan juga mendukung gagasan Pan-Islamisme dapat dilihat menerusi tulisan Dennis Walker, "Mustafa Kamil's Party " Mustafa Kamil's Party, Islam, Pan-Islamism and Nationalism", *Islam and the Modern Age*, vol. 11, no. 3, 1980 dan "Pan-Islamism as a Modern Ideology in the Egyptian Independence Movement of Mustafa Kamil", *Hamdard Islamicus*, vol. 17, no. 1, 1994.

12 Lihat M. Meyerhof, "Mustafa Kamil", dalam *The Encyclopaedia of Islam*, Leiden : E.J Brill, 1983, jil. 7, hlm. 715 dan Nadia Fahmi, "Mustafa Kamil : Nationalism and Pan-Islamism", hlm. 20.

13 Lihat Dennis Walker, "Mustafa Kamil's Party : Islam, Pan-Islamism and Nationalism", *Islam and the Modern Age*, vol. 11, no. 3, 1980, hlm. 263-264.

dan diterbitkan oleh *Matbaah al-Imam* di Singapura.<sup>14</sup> *Matbaah al-Imam* atau *al-Imam Printing Company* diasaskan pada tahun 1906 dan beberapa orang penulis dan penyunting majalah *al-Imam* turut menulis buku-buku keagamaan yang juga dicetak oleh syarikat ini.<sup>15</sup> Promosi *Matahari Memancar* dilakukan dengan penyiaran iklan dalam majalah *al-Imam*. *Al-Imam* menganggap penerjemahan ini sebagai usaha untuk memperkayakan tulisan yang boleh memberikan manfaat dan menambahkan keilmuan kepada masyarakat Melayu. Pujian juga diberikan kepada Abdullah Abdul Rahman dalam menghasilkan *Matahari Memancar* yang dapat memberikan manfaat dan kesedaran kepada masyarakat Melayu. Usaha seperti ini amat digalakkan. *Matahari memancar* dijual dengan harga promosi \$3.50 yang bermula dari 14 Mei 1907 hingga 1 Julai 1907. Manakala selepas daripada tempoh tersebut dijual dengan harga \$5.00 senaskah. Di samping itu, isi kandungan buku tersebut turut dimuatkan dalam *al-Imam* sebagai tujuan promosi.<sup>16</sup>

*Matahari Memancar* mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Melayu sehingga Perang Dunia Kedua.<sup>17</sup> Dalam *Matahari Memancar*, pengarangnya memuji orang Jepun yang bersungguh-sungguh membina negaranya. Mustafa Kamil Pasha yang juga merupakan pemimpin parti *al-Hizb al-Watani*, Mesir. Pada tahun 1890-an, beliau mempromosikan konsep ‘wataniyyah’ (fahaman kebangsaan) dan menyeru agar Mesir mengekalkan hubungan dengan pentadbiran khilafah di Istanbul. Apabila Jepun berjaya dalam peperangan dengan Rusia pada tahun 1905, mendorong penulisan buku ini sebagai sokongan beliau terhadap masyarakat Jepun yang dianggap mempunyai semangat kebangsaan yang kuat.<sup>18</sup> Manakala masyarakat Melayu di sebelah Timur, masih lagi bergantung dengan kuasa Eropah dari segi pentadbiran negeri dan juga aspek pertahanan. Oleh itu, orang Jepun menasihatkan agar bangsa di sebelah Timur berdikari dan berusaha keras untuk memajukan negara masing-masing. Kejayaan Jepun dalam bersaing dengan Barat juga menjadi contoh kepada bangsa sebelah Timur.<sup>19</sup>

Bangsa yang percaya pada diri sendiri mampu untuk melepaskan diri daripada diperhambakan oleh orang lain dan berusaha untuk bebas dan merdeka. Mereka juga berusaha untuk menghasilkan barangan yang tidak ada

14 Michael L. Laffan, “Watan and Negeri Watan and Negeri : Mustafa Kamil’s Rising Sun in the Malay World”, *Indonesia Circle*, vol. 69, 1996”, hlm. 163-164 dan Barbara. Y. Andaya, “From Rum to Tokyo : The Search for Anticolonial Allies by the Rules of Riau 1889-1914”, *Indonesia*, vol. 24, 1977, hlm. 142.

15 Md. Sidin Ahmad Ishak, “Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu”, hlm. 86.

16 Lihat *al-Imam*, jil. 1, bil. 11, 14 Mei 1907, hlm. 354-355 dan *al-Imam*, jil.1, bil. 12, 12 Jun 1907, hlm. 385-386.

17 Michael F. Laffan, “Watan and Negeri”, hlm. 164.

18 Lihat Michael F. Laffan, “Dispersing God’s Shadows Reflections on the Translation of Arabic Political Concepts into Malay and Indonesian” dan lihat juga [www.anu.edu.au/asianstudies/proudfoot/mmp/laffan\\_apc.html](http://www.anu.edu.au/asianstudies/proudfoot/mmp/laffan_apc.html).

19 Abdullah Abdul Rahman, “Matahari Memancar : Tarikh Kerajaan Jepun”, Singapura : Matba’ah al-Imam, 1906, hlm. 1-4.

pada mereka dan juga membuat barangan sebagaimana yang dihasilkan oleh negara Barat. Contoh yang diberikan ialah bagaimana peladang-peladang di Jepun berusaha bersungguh-sungguh mengerjakan sawah mereka untuk membayar cukai kepada kerajaan di samping itulah mata pencarian utama mereka. Dijelaskan juga kesungguhan askar-askar Jepun yang kemudiannya berjaya mengalahkan Rusia dalam peperangan.<sup>20</sup>

Jika ditinjau kembali kemenangan Jepun dengan China pada tahun 1895, menyebabkan Jepun menjadi satu kuasa yang besar di Asia. China sebagai sebuah negara yang besar dan berpengaruh ketika itu bimbang dengan langkah-langkah Jepun yang dilihat mengancam China. Campur tangan tiga kuasa, iaitu Rusia, Jerman dan Perancis di Liaotung menaikkan kemarahan Jepun. Penguasaan Rusia di semenanjung Liaotung dan Port Arthur pada tahun 1898, melalui pajakan dengan China kemudiannya menimbulkan rasa cemas Jepun. Kemaraan Rusia di China menyebabkan dilihat menghalang cita-cita Jepun yang bercita-cita untuk meluaskan empayarnya ke seluruh Asia. Pengisytiharan perang kemudiannya dibuat pada 10 Februari 1904.<sup>21</sup>

Pertempuran yang hebat berlaku pada 27 hingga 29 Jun 1905 yang menenggelamkan 23 buah kapal Rusia. Jepun dengan cepat dapat menawan beberapa kawasan yang menjadi sasaran seperti Port Arthur yang berjaya ditawan pada 1 Januari 1905 dan Mukden dikuasai pada 10 Mac 1905. Pada akhir peperangan tersebut, Jepun berjaya menewaskan Rusia. Dalam peperangan ini, Jepun dikatakan mempunyai sifat-sifat kepahlawanan yang tinggi. Kemenangan Jepun di laut dan darat amat mengagumkan. Kesan peperangan ini juga menaikkan imej Jepun dan benar-benar memeranjatkan kuasa Barat kerana sebuah negara yang kecil boleh menewaskan Rusia, sebuah negara yang besar.<sup>22</sup>

Dalam *Matahari Memancar* dijelaskan sikap orang Barat yang melihat orang lain berada di bawah kekuasaannya dan orang Jepun tidak suka dengan kemaraan orang Barat. Orang Timur pula tidak suka untuk terus kekal di bawah pemerintahan Barat. Orang yang mempunyai kekuatan boleh menghukum dan bermegah dengan kekuatan mereka. Manakala orang yang dihukum itu adalah golongan yang lemah. Bermula dengan kemenangan Jepun ke atas Rusia merupakan kemenangan yang adil kerana kemaraan anak negerinya. Semangat yang tinggi dalam mendapatkan ilmu pengetahuan kerana mereka cinta dan kasihkan negara. Sebagai iktibar perkara yang paling penting bagi anak bangsa ialah pendidikan, bekerja bersungguh-sungguh dan bersatu.<sup>23</sup>

Salah satu aspek yang dilihat menjadi kejayaan bagi kerajaan

20 Ibid., hlm. 13.

21 Rusia berkehendakkan Semenanjung Liaotung kerana yang berperanan sebagai pelabuhan air panas untuk kegunaan angkatan laut Rusia. Manakala pembinaan jalan keretapi di Manchuria adalah bertujuan tujuan hendak menguasai kawasan itu. Lihat Khazin Mohd Tamrin, "Perang Rusia-Jepun 1905", *Jebat*, 1972/1973, bil.2, hlm. 20 dan 30.

22 Ibid., hlm. 30-31.

23 Abdullah Abdul Rahman, *Matahari Memancar*, hlm. 17.



Jepun ialah menjadikan negara mereka setanding dengan Barat. Anak-anak muda dihantar belajar ke Eropah dan Amerika untuk mempelajari teknologi dari sana, terutamanya yang melibatkan aspek ketenteraan. Sebagai contoh pembuatan kapal perang yang besar seperti di Barat. Walau bagaimanapun, bukan semua perkara yang menerima perubahan di Jepun, masih ada lagi yang terikat dengan tradisi lama, golongan wanita berkahwin dengan rakyat tempatan. Bagi golongan yang tidak terlibat dalam sektor kerajaan digalakkan terus menggunakan pakaian tradisi untuk mengekalkan adat dan budaya. Orang Jepun juga dikenal pasti sebagai bangsa yang bersungguh-sungguh melakukan perkerjaan dan membuat kebajikan.<sup>24</sup>

Semasa perang Jepun Rusia (1904-1905), perkembangan dalam bidang industri berlaku dan hasrat kerajaan untuk mencapai status imperial setara dengan kuasa Eropah berjalan lancar. Bidang pendidikan diberikan fokus yang penting oleh kerajaan pemerintah dan statistik menunjukkan peningkatan sebanyak 86.9% pelajar yang memasuki persekolahan wajib berbanding 52% pada tahun 1896. Meningkatkan kehadiran ke sekolah adalah perkembangan ekonomi dan industri. Perindustrian membuka peluang pekerjaan kepada di kawasan bandar dan menggalakkan individu mendapatkan pendapatan tinggi. Kemakmuran ekonomi juga membolehkan kerajaan memberikan subsidi kepada sekolah dan gaji kepada guru-guru. Perkara paling mustahak sekali ialah menyediakan pendidikan percuma di peringkat sekolah rendah kepada semua pelajar.<sup>25</sup>

Jika dianalisis, amat sukar ditemui satu bangsa yang mudah mengubah peraturan dan sikap bangsanya sebagaimana orang Jepun. Kali pertama mereka mengubah peraturan mengikut orang China. Kemudiannya melihat dan mencontohi dan memindahkan segala kemajuan Barat ke dalam pembangunan negerinya. Tabiat dan perilaku orang Jepun ini adalah sukakan sesuatu yang baru dan gemar untuk mengetahui tiap-tiap perkerjaan yang tidak dimiliki kemahirannya. Walau bagaimanapun, kehendak dan cita-cita utama bangsa Jepun ialah menjadikan negara mereka sebagai sebuah negara yang kuat berbanding orang lain.<sup>26</sup>

Arus perubahan yang berlaku dalam negeri Jepun bermula apabila rakyatnya tidak dapat menerima kedatangan orang asing yang datang ke negeranya. Walau bagaimanapun, menyedari kepentingan untuk bersaing dengan kemajuan Barat, bangsa Jepun berusaha mendapatkan ilmu pengetahuan dan teknologi yang berada di Barat dengan tujuan untuk memajukan negeranya. Begitu juga dengan kesetiaan rakyat Jepun kepada maharajanya, iaitu Maharaja Mikado yang menjadi lambang kekuatan dan keutuhan negara.<sup>27</sup>

Mengukuhkan lagi tulisan dalam *Matahari Memancar*, perbincangan

24 Ibid., hlm. 56.

25 Kaori Okano & Motonori Tsuchiya, "Pendidikan Moden di Jepun Ketaksamaan dan Kepelbagaian", (Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara), 2009, hlm. 26-27.

26 Abdullah Abdul Rahman, "Matahari Memancar", hlm. 57.

27 Ibid., hlm. 55.

mengenai pembangunan dan kemajuan yang dicapai oleh Turki Uthmaniyah turut dibandingkan dengan analisa dan juga kritikan terhadap budaya dan masyarakat Melayu. Masyarakat di sebelah Timur diseru supaya lagi tidak ghairah dengan kecenderungan mempelajari ilmu sihir dan azimat. Mereka seharusnya sedar dan menggerakkan usaha untuk mengejar ilmu pengetahuan dan juga kemajuan untuk negara.<sup>28</sup> Tahyul dan misteri masih lagi mendominasi budaya dan minda masyarakat Melayu. Hal ini menghalang pemodenan minda masyarakat Melayu. Pemodenan minda masih lagi bergelut dengan tahyul dan misteri yang mendasari imej dan budaya bangsa Melayu. Bangsa yang terpengaruh dengan tahyul dan misteri yang membelenggu minda menjadikan sesuatu bangsa itu jumud, tidak berfikiran terbuka, tidak bebas berfikir secara rasional, logik dan objektif untuk mencapai perubahan dan kemajuan.<sup>29</sup>

*Matahari Memancar* menyeru masyarakat Melayu agar mengambil pengajaran daripada sejarah dan tidak menjadi bangsa yang leka. Di samping itu, turut dinyatakan dua sifat penting untuk menjana pembangunan dan kemajuan, iaitu bijaksana dan percaya dengan diri sendiri. Kejayaan bangsa Jepun adalah kerana mereka memiliki dua sifat tersebut dan bekerja bersungguh-sungguh. Selain Jepun, *Matahari Memancar* juga memuji bangsa Turki Uthmaniyah juga memiliki sifat bijaksana dan keyakinan diri yang tinggi. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan kesusahan, mereka tetap berjaya menghadapinya. Perbandingan juga dibuat sekiranya situasi yang dialami oleh bangsa Turki dialami oleh bangsa lain, sudah pasti tidak dapat mengatasi cabaran-cabaran tersebut.<sup>30</sup>

Sanjungan juga diberikan terhadap kezaman *dawulah* Turki Uthmaniyah yang berhadapan peperangan *fi sabilillah* dengan kerajaan Rusia. Oleh itu, umat Islam diseru supaya bersatu-padu dan menyokong dawlah Turki Uthmaniyah.<sup>31</sup> *Matahari Memancar* juga menyeru kepada masyarakat Melayu, agar merasa bangga menjadi bangsa Timur.<sup>32</sup> Jelasnya di sini, buku ini tidak hanya memaparkan aspek sejarah, bahkan menjadi inspirasi dan perangsang kepada masyarakat Melayu supaya mencapai pembangunan tamadun, menerusi penciptaan teknologi dan juga usaha keras daripada masyarakatnya.<sup>33</sup>

Sesuai dengan fokus *Matahari Memancar* terhadap Jepun, sejarah

---

28 Ibid., hlm. 5.

29 Abd Rahim Abd Rashid, "Patriotisme : Agenda Pembinaan Bangsa", (Kuala Lumpur : Utusan Publications), 2004 hlm. 112-113.

30 Abdullah Abdul Rahman, *Matahari Memancar*, hlm. 9.

31 Ibid., hlm. 15.

32 Zainal Abidin bin Ahmad, "Modern Development", hlm. 142 dan Alijah Gordon, "Riau : The Millieu", of Syed Syekh's Formative Years and the Aspiration of the Subjugated Umma", dalam Alijah Gordon (ed). *The Real Cry of Syed Sheikh al-Hady*, (Kuala Lumpur : Malaysia Sociological Research Institute), 1999, hlm. 12.

33 Lihat *al-Imam*, jil. 1, bil. 11, 14 Mei 1907, hlm. 354, Barbara Y. Andaya, "From Rum to Tokyo", hlm. 142 dan Ermy Azziaty Rozali, *Turki Uthmaniyah : Persepsi dan Pengaruh Dalam Masyarakat Melayu 1876-1924*, Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, 2010, hlm. 201.

dan latar belakang kerajaan tersebut turut dijelaskan.<sup>34</sup> Berikutan peperangan antara Jepun dan China juga dilihat memberi kekuatan kepada Jepun. Pada tahun 1900, Jepun mengadakan pakatan dengan Eropah untuk membantu kerajaan-kerajaan kecil di Eropah serta mengukuhkan kedudukan Jepun di mata Barat.<sup>35</sup> Dalam *Matahari Memancar* ini juga jelas memuji kewibawaan maharaja Mikado yang disifatkan sebagai seorang pemimpin yang hebat, bijaksana dalam mentadbir dan prihatin kepada kepentingan rakyatnya.<sup>36</sup> Jika dinilai buku *Matahari Memancar* ini membentangkan kepentingan membina bangsa. Orang Jepun dilihat mampu menjadi saingan kepada Kuasa Barat kerana kesungguhan mereka mendapatkan ilmu pengetahuan dan juga cita-cita yang tinggi untuk memajukan bangsa dan negara.

Sebagai *output* untuk bacaan masyarakat Melayu, buku ini menawarkan persepsi yang baru kepada bangsa di Timur untuk berada sama tinggi dengan kuasa Barat. Untuk mengukuhkan kewibawaan dan kekuatan masyarakat Melayu tidak boleh dipandang ringan kerana persaingan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu selepas merdeka semakin sengit dan mencabar. Sebahagian besar masyarakat Melayu belum lagi mempunyai semangat dan jiwa yang merdeka. Pemikiran dan tanggungjawab untuk membina kedudukan masyarakat Melayu dalam segala hal seringkali tidak kesampaian. Dengan pengaruh kebendaan dan kesenangan yang dikecapi, Melayu sering hilang panduan dan pedoman. Penyatuan Melayu masih belum wujud bagi membina kekuatan dan pembangunan orang Melayu sama ada dalam aspek ekonomi, politik dan sosial. Bangsa Melayu cepat mengalah dalam perjuangan penting dalam mencorakkan pembangunan dan kekuatan bangsa mereka.<sup>37</sup>

## Kesimpulan

*Matahari Memancar Tarikh Kerajaan Jepun* buku oleh Abdullah Abdul Rahman yang diterbitkan pada awal kurun ke-20, menarik minat khalayak pembaca dari kalangan masyarakat Melayu. Walaupun, sebahagian besar kandungannya membahaskan mengenai kerajaan Jepun yang berjaya dalam peperangannya dengan Rusia dan juga semangat dan kesungguhan bangsa Jepun memajukan negaranya. Apa yang menarik dengan terhasilnya buku ini, memberikan persepsi yang baru kepada masyarakat Melayu mengenai kekuatan bangsa di sebelah Timur dalam persaingannya dengan Kuasa Barat. Meletakkan Jepun sebagai contoh dan ikutan dilihat suatu dasar pandang ke Timur yang dicetuskan sejak awal lagi.

---

34 Abdullah Abdul Rahman, "Matahari Memancar", hlm. 18.

35 Ibid., hlm. 75

36 Ibid., hlm. 76.

37 Abd Rahim Abd Rashid, "Patriotisme : Agenda Pembinaan Bangsa", hlm. 107-108.

## Bibliografi

### Akhbar dan Sumber Arkib

*Al-Imam*. Jil. 1. Bil. 11. 14 Mei 1907.

*Al-Imam*. Jil.1. Bil. 12. 12 Jun 1907.

Fail Majlis Agama Johor (M.A.J). Bil. 14/34. 1934. Arkib Negara Cawangan Selatan.

Johor Baru : Johor.

*Majalah Ahkam Johor*: Bahagian Pengenalan. Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

### Buku, Artikel dan Tesis

Abdullah Abdul Rahman. 1906. *Matahari Memancar : Tarikh Kerajaan Jepun*. Singapura : Matba'ah al-Imam.

Abd Rahim Abd Rashid. 2004. *Patriotisme : Agenda Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur : Utusan Publications.

Abdul Jalil Borham 1997. "Majalah Ahkam Johor Ditinjau Dari Aspek Latar Belakang dan Pengaruhnya Terhadap Pentadbiran Sistem Muamalat Islam Dari Negeri Johor". Tesis Doktor Falsafah. Akademi Islam. Universiti Malaya.

Abdul Jalil Borham. 2002. *Majalah Ahkam Johor Latarbelakang, Pelaksanaan dan Komentor*, Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Abdullah Hassan. 2008. Membina Kepustakaan Melayu Melalui Terjemahan, dalam Abdullah Hassan et.al. *Membina Kepustakaan Dalam Bahasa Melayu*. Batu Caves : Utusan Publication.

Andaya. B.Y. 1977. "From Rum to Tokyo : The Search for Anticolonial Allies by the Rules of Riau 1889-1914". *Indonesia*. 24 : 123-156.

Ermy Azziaty Rozali. 2010. Turki Uthmaniyah : Persepsi dan Pengaruh Dalam Masyarakat Melayu 1876-1924. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.

Fail Majlis Agama Johor (M.A.J). Bil. 14/34. 1934. Arkib Negara Cawangan Selatan. Johor Baru. Johor

Gordon, A. 1999. "Riau : The Millieu", of Syed Syeikh's Formative Years and the Aspiration of the Subjugated Umma". dlm Alijah Gordon (ed), *The Real Cry of Syed Sheikh al-Hady*, Kuala Lumpur : Malaysia Sociological Research Institute.

Kaori Okano & Motonori Tsuchiya. 2009. *Pendidikan Moden di Jepun Ketaksamaan dan Kepelbagaian*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara.

Khazin Mohd Tamrin. 1972/1973. "Perang Rusia-Jepun 1905". *Jebat*. 2 : 25-33.

Laffan, M.F. 1996. "Watan and Negeri : Mustafa Kamil's Rising Sun in The Malay World". *Indonesia Circle*. 69 : 156-175.

- Majalah Ahkam Johor*: Bahagian Pengenalan. Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.
- Md. Sidin Ahmad Ishak. 1998. *Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu 1807-1960*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Meyerhof, M. 1983. "Mustafa Kamil". Dalam *The Encyclopaedia of Islam*. Leiden : E.J Brill. Jil. 7.
- Mohammad Redzuan Othman. 1994. "The Middle Eastern Influence on the Development of Religious and Political Thought in Malay Society 1880-1940". Tesis PhD. University of Edinburgh.
- Mohammad Redzuan Othman(a). 2005. *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Mohammad Redzuan Othman(b). 2005. "Egypt's Religious and Intellectual Influence on Malay Society". *Katha*. Vol. 1
- Nadia Fahmi, 1976, "Mustafa Kamil : Nationalism and Pan-Islamism", Master Thesis, McGill University.
- Onn bin Jaafar, 1935, *Selamat Johor Tanda Kenangan Peningat Kesyukuran Ulangtahun Keempat Puluh bagi Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Bersemayam di Singgahsana Tahkta Kerajaan Johor*, Singapura.
- Rahimah Abdul Aziz, 2000, *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945) Satu Analisis Sosiologi Sejarah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Walker, D, 1980, "Mustafa Kamil's Party " Mustafa Kamil's Party, Islam, Pan-Islamism and Nationalism", *Islam and the Modern Age*. 11 ( 33) : 230-293.
- \_\_\_\_\_, 1994, "Pan-Islamism as a Modern Ideology in the Egyptian Independence Movement of Mustafa Kamil", *Hamdard Islamicus*. 17 (1) : 57-104.
- Zainal Abidin bin Ahmad. 1929, "Modern Development in Malay Literature". Dlm Richard O. Winstedt, "A History of Malay Literature", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. 27 ( 3) : 1-241.


## Lampiran 1



Muka Depan *Matahari Memancar Tarikh Kerajaan Jepun*

Sumber : Abdullah Abdul Rahman, *Matahari Memancar : Tarikh Kerajaan Jepun*, Singapura :  
Matba'ah al-Imam, 1906.

Lampiran 2



Kata Pengantar Matahari Memancar Tarikh Kerajaan Jepun

Sumber : Abdullah Abdul Rahman, Matahari Memancar : Tarikh Kerajaan Jepun, Singapura : Matba'ah al-Imam, 1906.